



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957 Laman

web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# KENYATAAN MEDIA

## PROGRAM PENEMPATAN PEKERJAAN BAGI GELANDANGAN DI PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Melalui Mesyuarat *Crisis Management Committee* (COVID-19) Peringkat Wilayah Persekutuan Bil. 21/2020 pada 10 April 2020, saya telah meminta Jabatan Tenaga Kerja (JTK) WP Kuala Lumpur untuk membantu gelandangan yang telah diselamatkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mendapatkan peluang-peluang pekerjaan.

Pihak JTK WPKL seterusnya telah mengadakan kerjasama bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan rakan sosial sinergi yang terdiri daripada 19 agensi untuk membantu gelandangan yang telahpun diselamatkan.

Bermula dengan proses saringan oleh beberapa agensi, mengenalpasti majikan yang berpotensi dan mematuhi SOP MITI dalam tempoh COVID-19 serta mematuhi undang-undang berkaitan pekerjaan seperti Akta Kerja 1955 dan mencarum dengan KWSP serta mendapat perlindungan di bawah PERKESO. Keutamaan juga diberikan kepada majikan-majikan yang menyediakan kemudahan penginapan.

Bermula 7 Mei 2020, JTK telah membawa majikan-majikan yang terpilih untuk membuat temuduga kerja sehingga 11 Mei 2020. Seramai 166 orang gelandangan telah mendapat faedah daripada program ini (seperti jadual di Lampiran A). Dari 166 orang, seramai 70 orang gelandangan akan menyertai program penempatan pekerjaan di syarikat-syarikat yang telah memilih mereka. Manakala 96 orang gelandangan akan mengikuti program khas Projek Pembungkusan Sarung Tangan oleh Syarikat Top Glove Corporation Bhd yang akan dilaksanakan di Pusat Transit Gelandangan Jalan Ampang dan Anjung Singgah.

**Tan Sri TPr Annuar bin Haji Musa**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**13 Mei 2020**

**LAMPIRAN A****LAPORAN PENEMPATAN KERJA GELANDANGAN SETAKAT 11 MEI 2020**

<b>BIL</b>	<b>SYARIKAT</b>	<b>BERJAYA</b>
1	Harumi Brands Sdn Bhd Ladang dan Kilang Ayam Segar (Sitiawan Perak)	39
2	Adabi Consumer Industries Sdn Bhd Pembuat Makanan (Rawang)	11
3	Trendcell Sdn Bhd (Jaya Grocer)	7
4	Hartalega NGC Sdn Bhd Pembuat Sarung Tangan (Sepang)	5
5	Tesco Stores Sdn Bhd	4
6	Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd (Mc Donalds)	2
7	Burundahah Enterprise (Kebun Bunga Melor, Batang Berjuntai)	2
	<b>Jumlah Penempatan Kerja</b>	<b>70</b>
8	Top Glove Coporation Bhd Projek Pembungkusan Sarung Tangan di Pusat Transit Gelandangan KL dan Anjung Singgah	96
	<b>Jumlah Keseluruhan Gelandangan terlibat</b>	<b>166</b>